

Pelan imunisasi sinar baharu kepada negara, masyarakat

Retentan usaha berterusan semua pihak dan digerakkan secara kolektif Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Luar dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bermula April tahun lalu, semasa negara mencatatkan sejarah apabila menerima kumpulan pertama vaksin COVID-19 daripada pengeluar Pfizer-BioNTech.

Vaksin itu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) melalui penerbangan MH604, 10 pagi sebelum dengan pesawat diangkut ke MARKAS Sdn Bhd (MASKargo) nombor 312.00 dos vaksin.

Ketibaan pesawat membawa vaksin dengan nama spesifiknya, *Concinate for Dispersion for Injection (Concinate)* itu disambut Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan merangkap Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairi Jamaluddin Abu Bakar, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adnan Bahar, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Dengan tibanya vaksin kumpulan pertama itu, Kementerian juga memulakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dijalankan bermula Januari ini, akan diwujudkan kepada Rata Rata dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Dr Noor Hisham akan menjadi individu awal menerima vaksin Pfizer BioNTech itu.

Bermulanya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ini juga menandakan permulaan fajar baharu selepas penularan itu mula dikesan di negara ini. Kes pertama tercatat dalam jurnal sejarah Malaysia melibatkan tiga warga China masuk melalui Johor dari Singapura pada 23 Januari 2020. Rakyat Malaysia pertama berusia 41 tahun berasal dari Selangor pula disahkan positif COVID-19 oleh KKM pada 3 Februari berikutnya.

Sejak itu, bermula catatan pertambahan kes positif dan kes kematian akibat COVID-19 di negara ini yang terkesan ke atas segunap lapisan masyarakat sama ada rakyat tempatan atau warga asing.

Akibat jumlah kes positif COVID-19 melebihi 118,000 kes di lebih 130 negara dan risiko penularan pantas menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan pandemik pada 11 Mac.

Kebimbangan itu turut mendorong Perdana Menteri mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) digunakan bagi memantau penutupan rakyat terhadap prosedur operasi stan-

dard (SOP) pencegahan COVID-19.

Selaras setahun COVID-19 di negara ini, kita masih berhadapan cabaran mengawal penularan oleh hantaran udara dan rakyat. Ini terbukti dengan 283,599 kes positif COVID-19 direkodkan dan kes kematian terkumpul 1,056 setakat semalam.

Justeru, tindakan proaktif kerajaan melalui pembentukan Jawatankuasa Khas Janin Akas Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) dan peluncuran Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, 14 Februari sebagai strategi ampuh memperkuatkan lagi usaha kawalan penularan COVID-19.

JKJAV ditubuhkan dengan peranan utama sebagai jawatankuasa induk dalam merancang, melaksanakan dan memantau keseluruhan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Berdasarkan maklumat KKM, hingga Februari lalu, Malaysia mendapat akses bekalan vaksin COVID-19 sebanyak 96.7 juta dos melalui Pasiliti COVAX dan pembelian awal daripada lima pengeluar vaksin COVID-19.

Bekalan vaksin pembekal berbeza akan diterima Malaysia secara berperingkat bermula bulan ini, tertakluk keputusan pendaftaran Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD).

KKM melalui PMKD dan Belagian Regulatori Farmasi Negara (NPR) menggariskan kriteria antaranya profil keselamatan vaksin, kualiti vaksin

dan vaksin mempunyai nilai efikasi baik untuk digunakan kepada rakyat sebelum sesuatu vaksin boleh diberikan pendaftaran bersyarat.

Pendaftaran bersyarat ini diberikan ketika tempoh pandemik berlaku dan bertujuan memberikan akses segera kepada vaksin COVID-19 dengan menggunakan *risk-based approach*.

KKM juga mengambil tanggungjawab urusan pendaftaran semua vaksin COVID-19 tanpa mengabaikan aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan. Vaksin ini juga sentiasa dipantau dengan rapat selepas digunakan dan pihak pengeluar perlu melaporkan sebarang kesan sampingan kepada KKM.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pula menggariskan dasar dan strategi perolehan bekalan vaksin, pelaksanaan pemberian serta pemantauan bagi membendung pandemik COVID-19 dalam negara.

Melalui pelan imunisasi ini, strategi kerajaan adalah untuk memastikan sebanyak yang mungkin rakyat menerima vaksin bagi menyelamatkan nyawa.

Ini tindakan inklusif dan bersasar supaya pemberian vaksin secara masal serta berperingkat mampu mencapai pembentukan imuniti kelompok dalam masyarakat.

Kerajaan menyasarkan vaksin yang akan diberikan secara percuma kepada semua warganegara dan bukan warganegara Malaysia, sekali gus memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk dewasa menerima vaksin menjelang Februari tahun depan.

ysia, sekali gus memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk dewasa menerima vaksin menjelang Februari tahun depan.

Antara maklumat utama digariskan dalam pelan imunisasi Kebangsaan COVID-19, strategi pemberian vaksin dan mengenal pasti kumpulan sasaran. Strategi ini berdasarkan risiko jangka dan pendahuluan kepada individu dan kumpulan sentiasa terdahul se- waktu menjalankan tugas harian.

Kumpulan pertama dikenal pasti untuk penerimaan vaksin ialah petugas barisan hadapan terutama petugas kesihatan bagi melindungi daripada jangkitan COVID-19, sekali gus keselamatan diri petugas terbahagi sentiasa pada tahap optimum.

Susulan kedua, kumpulan individu berisiko tinggi agar terlindung daripada jangkitan COVID-19. Ini berdasarkan maklumat daripada laporan jangkitan dan kematian sering dilaporkan dengan mereka berpenyakit. Ia dapat mengurangkan beban kepada sistem kesihatan awam.

Strategi seterusnya, termasuk menempatkan kepada kawalan penularan dan pemberian vaksin sepanjang fasa dua serta tiga di kawasan kluster berisiko tinggi.

Berdasarkan struktur talibar urus Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, sangat jelas pembinaan pelbagai pihak dalam jayakan pelaksanaan program ini tanpa mengenal erti penat serta pengorbanan tinggi untuk negara.

Tiada kata boleh digambarkan terhadap pembabitannya mereka sejak mula kes pertama COVID-19 dikenal pasti. Hanya mampu terungkap ialah 'anda semua pelengkap selagi negara'.

Diharapkan dengan pelan imunisasi berlangsung Rabu ini, ia memberi sinar baharu kepada seluruh masyarakat dan negara. Semua pihak diharapkan dan sentiasa berdo'a agar ekonomi negara terjejas teruk akan dapat kembali pulih dan kehidupan rakyat kembali sedia laju.

Namun, perlu diberi perhatian program imunisasi ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya setahun hingga Februari tahun depan, justeru kita masih perlu mengambil langkah berjaga-jaga agar penularan COVID-19 terkawal dan semua langkah pencegahan perlu dipatuhi supaya pandemik tidak berulang.

Pemulis adalah Timbalan Pengarah Pusat Kajian, Inovasi & Pembangunan (IRID), International Medical University (IMU) dan Timbalan Presiden Badan Pengawal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (J-Medik).

Kerajaan menyasarkan vaksin yang akan diberikan secara percuma kepada semua warganegara dan bukan warganegara Malaysia, sekali gus memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk dewasa menerima vaksin menjelang Februari tahun depan.

